

e-Invois dilaksana secara berperingkat mulai Ogos

Keratan Akhbar BH

Tarikh 28/6/2024

Fasa pertama pelaksanaan akan babitkan syarikat besar dengan jualan tahunan lebih RM100 juta



LHDN akan menyediakan platform, tutorial bimbingan dan panduan pengguna bagi membantu PMKS menggunakan Portal MyInvois.

(Foto hiasan)

untuk tidak perlu mengeluarkan e-Invois bagi setiap transaksi jualan, pada peringkat permulaan.

"PMKS boleh dibenarkan untuk mengeluarkan e-Invois disatukan, iaitu menggabungkan semua transaksi jualan PMKS setiap bulan dan hanya perlu dikemukakan kepada LHDN dalam tempoh tujuh hari pertama bulan berikutnya.

"Sebagai tambahan, LHDN akan mengambil pendekatan secara aktif dalam menjalankan program dan sesi libat urus berterusan bagi tujuan kesedaran dan pendidikan di seluruh negara.

"LHDN juga akan menyediakan platform, tutorial bimbingan dan panduan pengguna bagi membantu PMKS menggunakan Portal MyInvois.

"Pegawai LHDN di peringkat negeri juga akan turun padang dan mengadakan bengkel dan taklimat di seluruh negara bagi memberi bimbingan dan penjelasan berhubung pelaksanaan e-Invois kepada PMKS," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, kerajaan juga maklum mengenai proses untuk PMKS, terutama perniaga kecil mengadaptasi e-Invois memerlukan tempoh yang panjang berikutan cabaran dan kekurangan dihadapi.

"Justeru, kerajaan sedang meneliti semula fasa pelaksanaan kepada PMKS bagi memastikan tempoh peralihan kepada e-Invois dapat dilaksanakan secara lebih fleksibel dengan mengambil pendekatan 'didik dan perbetul' bagi mengelak ketidakpuhan tidak disengajakan.

is, ianya memberi manfaat yang signifikan kepada PMKS dalam konteks perekodan transaksi penjualan perniagaan dan penyimpanan dokumen lebih teratur.

"Seterusnya, ini juga akan meningkatkan kecekapan dan melancarkan operasi perniagaan PMKS," menurut kementerian itu.

Kementerian Kewangan membuat penjelasan bagi menjawab soalan Aminolhuda Hassan (PH-Sri Gading) mengenai pelaksanaan e-Invois oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan adakah ia boleh membantu perniaga kecil serta pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS).

Cabaran dihadapi PMKS

MoF juga mengakui, kerajaan maklum mengenai cabaran bakal dihadapi PMKS dalam mengadaptasi e-Invois, terutama peningkatan kos operasi, penera-

pan teknologi dan jurang kesediaan pengetahuan berkenaan e-Invois.

Justeru, katanya, Portal MyInvois serta Sistem Point of Sales (POS) yang boleh diakses secara percuma oleh PMKS disediakan bagi membantu dan memudahkan penghantaran e-invois kepada LHDN tanpa peningkatan kos signifikan kepada perniagaan.

"LHDN juga sedang mengadakan perbincangan bersama beberapa penyedia rangkaian pembayaran bagi membolehkan entiti itu mengeluarkan e-Invois bagi pihak PMKS.

"Langkah ini sebagai antara penyelesaian digital bagi membantu PMKS dalam mematuhi keperluan pengeluaran e-Invois," katanya.

Memperincikan pelaksanaan e-Invois, MoF berkata, pertimbangan diberikan kepada PMKS

Kuala Lumpur: Kerajaan akan melaksanakan penggunaan e-Invois secara berperingkat berdasarkan nilai ambang hasil jualan perniagaan mulai Ogos depan.

Kementerian Kewangan (MoF) dalam jawapan bertulis di Parlimen berkata fasa pertama pelaksanaannya akan membabitkan syarikat besar dengan perolehan jualan tahunan melebihi RM100 juta.

Menurut MoF, ia diikuti pelaksanaan fasa kedua, membabitkan syarikat dengan perolehan tahunan sebanyak RM25 juta hingga RM100 juta, mulai Januari 2025.

"Semua perniagaan, termasuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) akan diwajibkan untuk mengeluarkan e-Invois, mulai 1 Januari 2025.

"Pelaksanaan e-Invois adalah mekanisme pelaporan hasil jualan dan perkhidmatan kepada pentadbir cukai, bertujuan meningkatkan tahap pematuhan cukai, seterusnya membantu kerajaan menangani isu ekonomi bayangan.

"Dengan mengadaptasi e-Invo-